



PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH  
PEJABAT SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Email : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

19 Oktober 2023

## KENYATAAN MEDIA MINGGUAN PAC

### Prosiding Menteri Kewangan (Diperbadankan) – FELCRA Berhad

1. Untuk makluman semua, prosiding berhubung Menteri Kewangan (Diperbadankan) – FELCRA Berhad yang sepatutnya diadakan semalam, 18 Oktober 2023 telah ditangguhkan memandangkan **Datuk Wan Nadzir bin Wan Mohamad**, Pengarah Pengurusan syarikat WZR Property Sdn. Bhd. tidak dapat hadir kerana beliau berada di luar negara ketika ini.
2. Untuk berlaku adil kepada beliau dan syarikat, PAC memerlukan keterangan dan penjelasan **Datuk Wan Nadzir bin Wan Mohamad** memandangkan beliau terlibat dengan perkara yang ingin disiasat oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC).
3. Susulan itu, saya mohon supaya saksi berkenaan untuk hadir bagi membantu PAC melengkapkan siasatan terhadap isu ini.

### Prosiding Pengurusan Dana Latihan Dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Bhd. (HRD Corp.)

4. Seterusnya, PAC akan memulakan prosiding berhubung Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corp. pada 23 Oktober 2023.
5. Isu ini tidak dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), jadi PAC menggunakan punca kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 77 (1) (d),

Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk mengadakan prosiding ini.

6. Saksi yang dipanggil untuk prosiding ini adalah **Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad**, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) dan **Datuk Wira Shahul Dawood**, Ketua Eksekutif HRD Corp.

**Pembentangan Laporan PAC Parlimen Berhubung Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan Dan Lebihan *Personal Protective Equipment* (PPE) Di Bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**

7. PAC telah selesai mengadakan Mesyuarat Penyediaan Laporan (*Housekeeping*) berhubung Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan *Personal Protective Equipment* (PPE) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 16 dan 17 Oktober 2023.
8. Isu ini dilaporkan dalam LKAN Tahun 2021 Siri 2, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun. PAC telah mengadakan 5 prosiding pada 15 Jun 2023, 22 Ogos 2023, 14 September 2023 dan 21 September 2023 dengan memanggil saksi terdiri daripada:-
  - i. **Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong**, Ahli Parlimen Ayer Hitam, Mantan Menteri Pengangkutan;
  - ii. **Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi**, Ketua Audit Negara;
  - iii. **Puan Hajah Patimah Ramuji**, Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi);

- iv. **Dato' Sri Norazman bin Ayob**, Timbalan Ketua Setiausaha KKM (Kewangan);
  - v. **Dato' Seri Chen Chaw Min**, Mantan Ketua Setiausaha KKM (tempoh perkhidmatan 4 Julai 2015 hingga 3 Februari 2021);
  - vi. **Dato' Sri Mohd Shafiq bin Abdullah**, Mantan Ketua Setiausaha KKM (tempoh perkhidmatan 11 Februari 2021 hingga 9 Februari 2022);
  - vii. **Tan Sri Dato' Sri Dr. Noor Hisham Abdullah**, Mantan Ketua Pengarah Kesihatan, KKM;
  - viii. **Datin Seri Dr. Asmah binti Samat**, Mantan Ketua Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan, KKM;
  - ix. **Encik Izaddeen bin Daud**, Pengerusi PHARMANIAGA Berhad;
  - x. **Encik Ahmad Shahredzuan bin Mohd Shariff**, Pengerusi, Exco PHARMANIAGA Berhad;
  - xi. **Dato' Farshila Emran**, Mantan Pengarah Urusan PHARMANIAGA Berhad; dan
  - xii. **Encik Mohamed Iqbal bin Abdul Rahman**, Ketua Pegawai Operasi PHARMANIAGA Berhad.
9. Malah, isu ini turut didebatkan oleh ramai Ahli Dewan Rakyat ketika membahaskan LKAN semasa Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen ke-15 pada 6 Jun 2023.
10. PAC dijangka membentangkan laporan ini pada 30 Oktober 2023.

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin**  
**Pengerusi PAC Parlimen**